



Ruj.Kami : JANM.JHR.600-1/4/3 JILID 2(2)

Tarikh : 05 November 2024

03 Jamadilawal 1446H

SEPERTI DI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/ Dato/ Datin/ Tuan/ Puan,

SURAT PERINGATAN: TINDAKAN KE ATAS TRANSAKSI INVOIS BELUM DIBAYAR KOD A0481101 (AKAUN BELUM TERIMA) SEHINGGA 31 OKTOBER 2024

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa berdasarkan semakan jabatan ini, didapati terdapat transaksi Invois (dijana melalui sistem iGFMAS) yang telah dikeluarkan oleh pihak YBhg. Dato/ Datin/ Tuan/ Puan sehingga 31 Oktober 2024, tetapi masih belum dijelaskan pembayarannya oleh pelanggan dan berstatus Akaun Belum Terima (ABT). Selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia WP10.6 – Pengurusan Akaun Belum Terima, semua Pegawai Pengawal dan Pemungut adalah bertanggungjawab untuk memungut semua terimaan termasuk ABT. Bagi mana-mana pegawai yang bertanggungjawab ke atas tunggakan ABT serta gagal mengambil tindakan mengutip balik tunggakan boleh dikenakan tindakan surcaj atau tatatertib.

3. Sehubungan itu, pihak YBhg. Dato/ Datin/ Tuan/ Puan adalah dipohon untuk mengambil tindakan segera ke atas transaksi Invois seperti di **Lampiran I** dan mengemaskini status tindakan yang telah diambil ke atas semua transaksi selewat-lewatnya pada **17 NOVEMBER 2024** melalui pautan berikut: <https://tinyurl.com/ABT31OKTOBER2024> Bagi sebarang pertanyaan lanjut berhubung dengan perkara ini, pihak YBhg. Dato/ Datin/ Tuan/ Puan boleh menghubungi Puan Azianty Bt Yunos / Puan Mahani Wati Binti Nata di talian 07-2249244 samb. 1056/1154/ atau secara e-mel akaun_jhr@anm.gov.my

4. Perhatian dan tindakan daripada pihak YBhg. Dato/ Datin/ Tuan/ Puan berhubung dengan perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan"

Saya yang menjalankan amanah,



(RAHMAD JULKIFLI BIN MOHD ALI)(CPPA(UK).C.A.(M).CPA (Aust))
Pengarah Negeri
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Negeri Johor

SENARAI EDARAN

Pengarah
Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta Negeri Johor

Pengarah
Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Batu Pahat

Pengarah
Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Kluang

Pengarah
Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Segamat

Pengarah
Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Muar

Pengarah
Jabatan Perikanan Johor

Pengarah
Jabatan Pengangkutan Jalan Johor Bahru

Pengarah
Jabatan Kimia Malaysia Negeri Johor

Pengarah
Institut Pendidikan Guru Kampus Temenggong Ibrahim

Pengarah
Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Hussein Onn

Pengarah
Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru

Pengarah
Hospital Sultanah Nora Ismail, Batu pahat

Pengarah
Pejabat Kesihatan Daerah Johor Bahru